

PUCUNG KUAK
Black-crowned Night-heron

FAMILI: Timaliidae
NAMA SAINTIFIK: Nycticorax nycticorax



CIRI-CIRI

Tompok yang ketara di atas kepala dan bahagian belakang badan. Sayap berwarna kelabu pucat manakala bahagian lain berwarna kelabu keputihan termasuk bahagian dada. Bagi anak yang belum matang, bulu berwarna coklat dengan bintik-bintik berwarna putih pada bahagian atas bulu. Anak pada peringkat yang seterusnya hampir menyerupai induk masing-masing tetapi dengan tompok di atas kepala dan bahagian belakang berwarna kelabu kecoklatan. Bagi individu dewasa yang matang, ukuran panjang badan adalah di antara 58 sm-65 sm.

MAKANAN

Ia memakan ikan, amfibia, ketam, invertebrata, mamalia kecil, dan anak burung.

HABITAT

Kawasan berair seperti di tasik-tasik, kawasan penanaman padi, dan hutan paya bakau.

BUNYI

Ia mengeluarkan bunyi dalam tekak yang garau *kwok*, *quark* atau *guk* sekiranya semasa terbang.

PEMBIAKAN

Musim membiak bagi spesies ini adalah di antara bulan Mac hingga bulan Januari setiap tahun dengan burung betina mampu menghasilkan di antara 3-5 biji telur bagi setiap eraman di dalam platform yang dibina di atas pokok secara berkoloni.

STATUS

Akta 76/72, dipelihara sepenuhnya.